

**UCAPAN OLEH YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD DI MAJLIS
PELANCARAN KAPAL Pengerukan JENIS CUTTER SUCTION DREDGER (CSD)
“INAI LIATREE” DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG, SELANGOR
PADA HARI ISNIN, 18 APRIL 2011**

1. Saya lihat ramai dif-dif kehormat dalam majlis ini, jadi sudah tentunya ini adalah satu majlis yang sangat signifikan. Terima kasih kepada Inai Kiara Sdn Bhd kerana menjemput saya ke Majlis Pelancaran Kapal Pengerukan atau “cutter suction dredger”, Inai Liatree.
2. Pertama kali saya dimaklumkan jemputan melancarkan kapal pengerukan ini, saya berasa terkejut mendengar sebuah syarikat kontraktor pengerukan ulung negara kini telah mengorak langkah membina kapal pengerukan sendiri yang mana pada hari ini saya dijemput melancarkan kapal kedua mereka yang telah dibina di limbungan ini, iaitu limbungan Selat Melaka Shipbuilding Corporation Sdn Bhd milik penuh Inai Kiara Sdn Bhd.
3. Tetapi sebaik sampai di sini, saya berasa terpegun dan sangat kagum melihat sendiri kapal-kapal pengerukan yang telah dan sedang dibina. Ini adalah satu pencapaian syarikat Bumiputera tempatan yang sangat membanggakan dan saya sangat berbesar hati untuk berada di sini menyaksikan pelancaran kapal “Cutter Suction Dredger” Inai Liatree.
4. Pada tahun-tahun sebelum awal 2000, projek-projek pengerukan dan penambakan atau “dredging & reclamation” di Malaysia milik kerajaan, GLC atau swasta kebanyakannya dilaksanakan oleh syarikat-syarikat daripada luar negara terutamanya syarikat daripada Eropah seperti Belanda dan Belgium. Ini kerana mereka adalah pakar dalam bidang ini. Walaupun tender kerajaan dan syarikat tempatan yang menyertai tender tersebut tetapi yang menjalankan kerja adalah syarikat asing dimana syarikat tempatan hanya memperolehi komisen tanpa mempelajari teknik dan selok-belok kerja yang dijalankan oleh mereka secara terperinci. Sebahagian besar jumlah wang negara dibawa pulang oleh syarikat asing tersebut.
5. Pada tahun 2004, Inai Kiara Sdn Bhd telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan di pelabuhan-pelabuhan utama di seluruh Malaysia dan membangun serta mengembangkan industri ini di dalam negara tanpa bergantung kepada negara asing sekaligus menyelamatkan pengaliran matawang ke luar negara.
6. Setelah kajian terperinci dibuat ke atas cadangan itu, kerajaan bersetuju untuk melantik sebuah syarikat tempatan untuk menjalankan kerja-kerja “dredging & reclamation” di Malaysia seterusnya mengembangkan industri ini.

7. Kapal pengerukan adalah sejenis kapal berteknologi tinggi yang mana kepakaran untuk membinanya tidak dimiliki oleh mana-mana limbungan di Malaysia sebelum ini. INAI KIARA sebenarnya telah mengambil sikap yang proaktif dalam mencari penyelesaian kepada masalah ketiadaan kapal pengerukan baru di pasaran dengan menjalin kerjasama pintar dengan syarikat asing khususnya dari Eropah sekaligus membawa masuk teknologi asing dan membinanya dalam negara. Limbungan Selat Melaka Shipbuilding Corporation Sdn Bhd mampu untuk membina “specialised vessels” dan dengan kemudahan fabrikasi yang ada, ini tidak terhad untuk limbungan ini menyediakan perkhidmatan “high-end” kepada syarikat minyak & gas pada masa depan. Tahniah kepada INAI KIARA kerana berani mempelopori teknologi baru ini.

8. Dengan cara ini bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran keluar matawang Malaysia ke luar negara malah INAI KIARA telah berjaya membuka sumber peluang pekerjaan selain meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan menerusi pemindahan teknologi asing dalam bidang “naval architect”, kejuruteraan, kimpalan dan fabrikasi. Selain itu, industri ini juga berkaitan luas dengan industri-industri lain seperti keluli, kaca, logistic, pergudangan serta pembekal perkhidmatan lain-lain seperti perkhidmatan pelabuhan, kewangan, insuran dan perundangan. Tidak menghairankan jika dalam waktu terdekat, Malaysia menjadi tumpuan kapal-kapal asing pula bagi kerja-kerja membina, membaikpulih dan menyelenggarakan kapal khususnya kapal-kapal pengerukan atau “dredger”.

9. Langkah yang diambil oleh syarikat pengerukan dan penambahan terulung negara ini untuk menggantikan kapal-kapal pengerukan lama yang sedia-ada dengan kapal-kapal pengerukan baru yang moden dan berkapasiti tinggi adalah bagi memenuhi keperluan serta permintaan kerja-kerja pengerukan jangka panjang di dalam dan luar negara, INAI KIARA berkemampuan untuk menyempurnakan kerja-kerja penyelenggaraan pelabuhan dengan lebih efisien dan ekonomikal. Ini adalah usaha tempatan yang harus mendapat sokongan sewajarnya daripada Kerajaan.

10. Saya berasa bangga kerana usaha ini disempurnakan di tanahair kita, Malaysia, yang mana usaha ini akan menjadi pemangkin ke arah menjadikan Malaysia amnya dan negeri Selangor khususnya sebagai hub industri maritim. Limbungan ini mempunyai lokasi yang sangat strategik untuk menarik tumpuan kerja-kerja membaikpulih kapal-kapal pengerukan iaitu satu bidang teknologi baru yang berjaya diceburi oleh anak tempatan.

11. Kerajaan dan agensi-agensi kerajaan harus memberi perhatian kepada perkembangan pertumbuhan ekonomi dan pulangan kepada Kerajaan dalam industri perkapalan negara.

12. Saya difahamkan banyak pelabur-pelabur luar Negara yang berminat membangunkan industri fabrikasi di sini. Ini adalah potensi yang sangat baik untuk

memajukan ekonomi Negara, justeru Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan harus memberi perhatian dan sokongan kepada usaha ini.

13. Industri pembuatan kapal sangat penting di Malaysia untuk memacukan perkembangan perdagangan dan ekonomi negara, IKSB telah melaksanakan satu usaha penting bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi dalam sektor pembuatan kapal terutama “dredger” yang berteknologi tinggi dengan mempelajari bidang ini daripada negara-negara pembuat kapal yang telah berjaya dan terkemuka dunia. Semua pihak yang terlibat dengan industri pembuatan kapal termasuklah dasar negara, institusi kewangan, kilang-kilang pembuatan, pembekal perkhidmatan, pemilik kapal dan khidmat penghantaran perlu merapatkan barisan untuk menyokong limbungan kapal tempatan dan memacu perkembangan industri ini.

14. Dengan bantuan insentif daripada kerajaan, sokongan kuat daripada institusi-institusi kewangan dan dasar yang difikirkan baik untuk meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan industri ini, limbungan kapal seperti Selat Melaka Shipbuilding Corporation ini boleh memainkan peranan utama dalam membantu Malaysia memenuhi cita-citanya untuk menjadikan negara perdagangan dan maritim yang kompetitif.

15. Saya doakan supaya usaha murni Inai Kiara dan syarikat-syarikat di dalam kumpulannya memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam usaha untuk menyumbangkan kepakaran tempatan kepada negara Malaysia.
